

قتين تيته

PETIKAN TITAH

"ISLAM adalah agama tertinggi yang menghulurkan kebajikan kepada siapa saja. Ia perlu terus dilihat dan dikenali sebagai agama terbaik. Kerana itu jangan takut mempromosi Islam."
- Titah Sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Tahun 1437 Hijrah / 2015 Masihi pada 12 Rabiulawal 1437H / 23 Disember 2015M.



Pelita BRUNEI

كَلْبَرِيَّةُ

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

مانيسن ايمان
MANISNYA IMAN

"DAN berbuat baiklah kepada kedua ibu bapa, kaum kerabat dan anak-anak yatim serta orang-orang miskin."
- (Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Baqarah, ayat 83).

TAHUN 61 / BILANGAN 6

13 JANUARI 2016 / 1437 ربيع الأخير 3

JABATAN PENERANGAN

EDISI RABU / PERCUMA

Penulis perlu berani menggarap idea besar



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof menyampaikan hadiah penghargaan kepada seorang peserta Peraduan Menulis Novel 2013-2014 pada Malam Apresiasi Penulis 'Bahasa Jiwa Bangsa' sempena Sambutan Bulan Bahasa 2015, berlangsung di Balai Sarmayuda, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Hamzah Mohidin

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 12 Januari. - Para penulis perlu memiliki daya fikir yang tinggi dan keberanian menggarap idea besar untuk sama-sama mendukung pembangunan, kemajuan dan perkembangan sosiobudaya, sosioekonomi serta sosiopolitik negara yang mempunyai nilai-nilai murni di dalamnya yang dapat melahirkan sebuah masyarakat yang sopan, positif dan saling menghargai antara satu sama lain.

Para penulis juga harus sentiasa peka dan sensitif akan perkembangan semasa kerana penulis dengan *penanya yang biasanya diibaratkan lebih tajam dari pedang atau senjata itu* adalah perakam kepada sejarahnya.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof menyatakan perkara tersebut semasa berucap pada Malam Apresiasi Penulis 'Bahasa Jiwa Bangsa' sempena Sambutan Bulan Bahasa 2015 yang berlangsung di Balai Sarmayuda, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Berakas, di sini.

"Para penulis baru dan penulis muda juga harus sentiasa mencari dan menggali ilmu penulisan dan terus berkarya hingga mampu menghasilkan produk sastera yang berkualiti dan mampu menyaingi penulis-penulis prolific dan mapan.

Dan untuk mengangkat sastera Brunei supaya lebih unggul kedudukannya, bukan saja dalam negara tetapi ke peringkat serantau dan antarabangsa perlunya gabungan sinergi DBP dengan persatuan-persatuan penulis dan kumpulan seni di negara ini antaranya Persatuan Sasterawan dan Sasterawani (ASTERAWANI), Kumpulan Putera Seni, dan Penggiat Seni Tanah Air (PeSTAB)," jelas Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Terdahulu, Yang Berhormat juga menjelaskan mengenai Peraduan Menulis Cerpen dan Kritikan Sastera Majalah Bahana yang disertai oleh lebih dua per tiga (2/3) penulis-penulis baharu dan penulis muda.

Ke muka 24

Kerja berpasukan beri komitmen secara aktif

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Masri Osman

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 12 Januari. - Pelaksanaan Penilaian Risiko Kebangsaan (National Risk

Assessment - NRA) terhadap kegiatan pembersihan wang haram dan pembiayaan pengganasan merupakan

perkara penting dalam memenuhi saranan pertama yang terkandung dalam piawaian antarabangsa Pasukan Petugas Tindakan Kewangan.

Ia juga merupakan titik permulaan bagi penilaian bersama yang mana hasil penilaian membolehkan mengenalpastikan, penilaian dan pemahaman mengenai kedua-dua isu tersebut serta peningkatan risikonya di negara ini.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Hamdan bin Haji Abu Bakar juga selaku Pengarah Keselamatan Dalam Negeri (KDN) menggariskan perkara itu semasa Majlis Pembukaan Rasmi Bengkel NRA Terhadap Kegiatan Pembersihan Wang Haram dan Pembiayaan Pengganasan Negara Brunei Darussalam yang diadakan di Hotel Antarabangsa Rizqun, Gadong hari ini.

Ke muka 24



Muka 2

HUBUNGAN Brunei - Lao terus erat



Muka 3

TINJAU dua buah sekolah Kluster 4

Majlis Perhimpunan Khas Wanita, 16 Januari

Siaran Akhbar Kementerian Hal Ehwal Ugama

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 12 Januari. - Majlis Perhimpunan Khas Wanita sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Peringkat Negara Bagi Tahun 1437 Hijrah akan diadakan pada hari Sabtu, 6 Rabiulakhir 1437 Hijrah bersamaan 16 Januari 2016 Masihi, bermula pukul 9.00 pagi di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Majlis akan diserikan dengan Ceramah Khas yang akan disampaikan oleh Dekan Fakulti Usuluddin, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Dr. Hajah Sarinah binti Haji Yahya.

Pengisian ceramah khas tersebut akan memfokuskan kepada tema majlis tahun ini iaitu 'Menghayati Sunnah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam'.

Majlis Perhimpunan Khas Wanita Peringkat Negara pada tahun ini dikendalikan oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama dan Majlis Wanita Negara Brunei Darussalam dengan kerjasama Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Hubungan Brunei - Lao terus erat

Berita dan Foto :
Jabatan Majlis-Majlis
Mesyuarat Negara

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 12 Januari. - Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib telah menerima kunjungan hormat daripada Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Demokratik Rakyat Lao ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Amphy Kindavong.

Majlis berlangsung di Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat Negara di sini.

Hadir sama ialah Setiausaha Majlis Mesyuarat Menteri-Menteri Kabinet dan Jurutulis MMN, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pekerma Jaya Dato Paduka Awang Haji Judin bin Haji Asar dan Timbalan Jurutulis



YANG Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib menerima kunjungan hormat daripada Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Demokratik Rakyat Lao ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Amphy Kindavong.

MMN, Dayang Rose Aminah binti Haji Ismail serta pegawai-pegawai dari Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat.

Melalui kunjungan tersebut

diharap akan dapat diperkukuhkan lagi persahabatan dan hubungan dua hala. Persahabatan dan hubungan baik kedua-dua belah pihak dapat dilihat daripada lawatan-lawatan yang telah diadakan di antara kedua-dua buah negara di kesemua peringkat.

Program Keagamaan realisasikan Rancangan Strategik JPI



ANTARA guru-guru agama (atas) dan pelajar-pelajar perempuan (bawah) yang hadir pada Program Keagamaan Senegara Persekolahan Arab di Sekolah Menengah Arab Laki-Laki Hassanal Bolkiah.



Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Haji Osman

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 12 Januari. - Seramai 170 pelajar dan 65 guru agama dari Sekolah Menengah Arab Laki-Laki Hassanal Bolkiah (SMALHB) yang terlibat dalam program penghayatan beragama telah mengikuti Program Keagamaan Senegara Persekolahan Arab Bagi Bulan Januari 2016 Masihi / 1437 Hijrah.

Jabatan Pengajian Islam (JPI), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) berhasrat untuk meningkatkan dan memantapkan sistem pendidikan dan pelajaran agama menerusi pengurusan dan pendekatan yang berkesan dan dinamik melalui persekolahan Arab, persekolahan agama dan mata pelajaran Pengetahuan Ugama Islam berdasarkan Al-Quran dan As-Sunnah, Perlembagaan Negara, Falsafah Negara Melayu Islam Beraja (MIB), Falsafah Pendidikan Negara dan undang-undang yang berkaitan.

JPI berharap usaha tersebut dapat dicapai melalui Program Keagamaan Senegara Persekolahan Agama dan Arab Bagi Bulan Januari 2016M/1437H yang diselenggarakan di keempat-empat daerah yang bermula pukul 8.00 pagi bagi sekolah-sekolah agama dan sekolah-sekolah Arab dan pukul 2.00 petang bagi semua sekolah-sekolah agama seluruh negara.

Program berkenaan bermula dengan sesi Tazkirah yang dibacakan oleh Awang Saiful Wafi bin Haji Adis, bacaan Ratib Al-Attas dan Selawat-selawat Nabi yang diketuai oleh Awang Haji Mohd. Wa'ez bin Haji Ramli dan seterusnya bacaan doa Allah Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam yang dibacakan oleh Yang Di-Pertua Majlis Pelajar 2015 / 2016, Awang Mohammad Rohaidi bin Johaidi.

Di antara matlamat program ini diadakan adalah untuk merealisasikan Rancangan Strategik JPI ke arah meningkatkan peratus pelajar yang mengikuti aktiviti kokurikulum di sekolah agama dan Arab, di samping melahirkan akidah yang kukuh dan akhlak yang mulia melalui program pendidikan kokurikulum.

Dari Sidang
Pengarang.

13 JANUARI 2016 BERSAMAAN 1437 ربيع الآخر 3

BELIA HARAPAN BANGSA

NEGARA Brunei Darussalam melalui kerjasama sektor kerajaan dan swasta di negara ini mengadakan pelbagai aktiviti berkaitan dengan usaha sukarelawan sempena Hari Sukarelawan yang diadakan pada 10 Januari lepas. Pelbagai pertubuhan bukan kerajaan (NGOs) di negara ini mengadakan aktiviti kempen kebersihan, kutipan sumbangan, memberi kesedaran kepada belia khususnya dan orang ramai amnya.

Usaha yang diberikan oleh NGOs perlu diberikan penghargaan di mana mereka mengusahakan pelbagai aktiviti dalam sama-sama memberi tarikan kepada belia untuk berpartisipasi sama dalam aktiviti-aktiviti berkebiasaan. Aktiviti yang diadakan bukan untuk kepentingan secara individu, tetapi kepada semua. Malahan memberi gambaran baik kepada kita di mana sifat kerjasama dalam kalangan ahli persatuan dan juga keluarga mereka jelas dipamerkan melalui aktiviti yang diadakan berkenaan.

Kerjasama yang dipamerkan bukan sahaja dalam kalangan ahli bahkan dalam kalangan masyarakat kita secara tidak langsung. Kerjasama yang terjalin akan membuahkan perpaduan dalam kalangan belia daripada pelbagai latar belakang dalam sama-sama menjayakan aktiviti tersebut. Selain itu, membantu merealisasikan hasrat negara untuk melahirkan belia berwawasan yang kelak berperanan menentang tanggungjawab merealisasikan Wawasan Negara 2035.

Keperibadian belia berkenaan sememangnya terbentuk melalui persekitaran atau pergaulan mereka. Jika pergaulan mereka dalam persekitaran yang positif, nescaya mereka akan berfikir positif dan apabila sebaliknya maka akan berkesudahan sebaliknya juga. Dalam hal ini, peranan ibu bapa sebagai penjaga mereka adalah penting. Ini bukan sahaja untuk memantau, mendidik, mahupun mematu mereka, bahkan bagi menentukan hala tuju masa depan mereka khususnya dan pada agama, bangsa dan negara amnya.

Tidak kira dari mana dan apa latar belakang belia berkenaan. Jika ia dididik dan dibentukkan serta dipantau dengan baik, maka akan menjadi baik jugalah budi pekertinya, iaitu bukan sahaja dalam kalangan pergaulan keluarga bahkan pergaulan dengan orang sekelilingnya. Tidak mustahil belia-belia berkenaan akan menjadi belia berwawasan yang diharapkan. Dalam masa yang sama dapat menjana pemikiran baharu untuk kemajuan dan juga pembangunan negara yang dihasratkan dalam kepelbagaian usaha ekonomi selain dari sektor minyak dan gas negara.

Belia berfikir kreatif dan inovatif mampu membantu negara dalam mempelbagaikan ekonomi, selain bergantung pada sektor minyak dan gas. Kepakaran yang mereka miliki mampu dipelbagai menjadi salah satu daya usaha pada kepelbagaian ekonomi negara. Daya kreativiti, di samping sifat positif serta bantuan yang dihulurkan dari sektor kerajaan mahupun swasta tidak mustahil mampu menentang usaha mereka menjadi realiti dan dalam masa yang sama membantu negara maju setapak ke hadapan bersaing bersama negara membangun lainnya.

Belia aset negara, penerus bangsa, penegak agama, realisasikan hasrat negara, sebagai belia wawasan negara, galas tanggungjawab Wawasan 2035, agar negara terus maju, damai, aman dan sejahtera. Aktiviti kesukarelawanan sikap mulia, semai dalam diri belia, agar wujud sikap kerjasama, dalam kalangan belia pelbagai bangsa, dalam bahkan luar negara, agar belia terbiasa, dengan keadaan sekeliling yang pelbagai ragam dan rupa, memerlukan sikap dan sifat yang kuat dalam minda serta diri seorang belia, harapan bangsa.

- **Ketua Penyuntingan (Nb).**

Ramalan Cuaca Tiga Hari		
RABU	KHAMIS	JUMAAT
BANDAR SERI BEGAWAN 32°C 26°C 33°C	26°C 26°C 33°C	25°C 25°C 25°C
MUARA 33°C 26°C 32°C	25°C 25°C 33°C	26°C 26°C 26°C
PEKAN BANGAR 33°C 24°C 33°C	24°C 24°C 32°C	24°C 24°C 24°C
PEKAN TUTONG 33°C 25°C 32°C	25°C 25°C 32°C	25°C 25°C 25°C
PEKAN GEREA 33°C 25°C 32°C	25°C 25°C 32°C	25°C 25°C 25°C
KUALA BELAIT 33°C 25°C 32°C	25°C 25°C 32°C	25°C 25°C 25°C

Wallaahuil Bissawab
Sumber: JABATAN KAJI CUACA BRUNEI DARUSSALAM
KEMENTERIAN PERKHIDMATAN
Telefon: 2345567 Talian Cuaca: 114

SIDANG PENGARANG PELITA BRUNEI, JABATAN PENERANGAN

Pemberitaan/Rencana

Pg. Hajah Fatimah Pg. Haji Md. Noor,
Norliah Md. Zain,
Hezlinawati Haji Abdul Karim,
Ak. Jeffery Pg. Durahman,
Haniza Abdul Latif,
Abu Bakar Haji Abdul Rahman,
Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad,
Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman,
Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim,
Rohani Haji Abdul Hamid,
Nooratini Haji Abas,
Khartini Hamir,
Saerah Haji Abdul Ghani,
Aimi Sani,
Noraisah Muhammed,
Marlinawaty Hussin,
Ak. Syi'aruddin Pg. Daudin,
Haji Mahmud Hafidzie Haji Ali Mashod

Ketua Bahagian Pelita Brunei

Sastra Sarini Haji Julaini

Ketua Penyuntingan

Musa Mohidin,
Mohammad Rainie Haji Durani,
Dk. Nasibahanim Pg. Haji Bakar,
Nor Hanizah Haji Abd. Halim

Penyemakan

Abdul Hadi Haji Suhaili,
Haji Besar Haji Mamit,
Hajah Norliha Haji Salleh,
Ramlah Md. Nor,
Nurul Hazwani Abu Omar,
Siti Faizahanisah Awang Mahani,
Dk. Nur Ridzwana Pg. Abd. Aziz

Penyuntingan

Samle Haji Jait,
Nor Hanizah Haji Abd. Halim,
Siti Muslihat Haji Salleh,
Bolhassan Haji Abu Bakar,
Abdullah Asgar

Penterjemahan

Hajah Musmariani Haji Mohammad

Pereka Letak

Khairul Shaharim Haji Abdul Chafor,
Haji Ahmad Haji Salim,
Mohammad Ike Iqrami Haji Suhaimi,
Mohammad bin Kahar

Juruteknik Foto

Hatral Hazmi Abdul Hamid,
Nornasyirah Nordin,
Muhammad Hafizuddin Tasad

AMBULANS
991

POLIS
993

BOMBA
995

PENYELAMAT
998

(Talian Darussalam) JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK,
JABATAN PENGANGKUTAN DARAT,
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DAN e-darussalam
123

NDMC
2380214

Tinjau dua buah sekolah Kluster 4

Siaran Akhbar dan Foto :
Kementerian Pendidikan

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 11 Januari. - Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman mengadakan lawatan ke dua buah sekolah di Kluster 4 bagi melihat perjalanan kemasukan memulakan persekolahan bagi murid-murid prasekolah.

Pelajar-pelajar prasekolah di seluruh negara pada amnya memulakan persekolahan hari ini.

Sebagai satu landasan utama dalam pembentukan anak-anak, pendidikan dan pemedulian kanak-kanak menjadi tumpuan utama lawatan Yang Berhormat Menteri Pendidikan ke dua buah sekolah.

Menurut Siaran Akhbar Kementerian Pendidikan, sekolah-sekolah yang dikunjungi oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan dan rombongan ialah Sekolah Rendah Kapok, Muara, Kluster 4 dan Sekolah

Rendah Haji Mohd. Salleh, Sungai Hanching, Kluster 4.

Menyertai rombongan Timbalan Menteri Pendidikan, Yang Mulia Pengiran Dato Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar.

Ketibaan Yang Berhormat Menteri Pendidikan dan rombongan dialu-alukan oleh Guru Besar Sekolah Rendah Kapok, Muara, Kluster 4, Awang Zulkifli bin Haji Duraman dan Ketua Kluster 4, Dayang Hajah Mariam binti Ladi.

Ketika berada di sekolah itu, Yang Berhormat Menteri Pendidikan dan rombongan dibawa melawat ke blok prasekolah bagi melihat perjalanan pengajaran yang sedang dijalankan di sekolah berkenaan.

Sekolah Rendah Kapok, Muara, Kluster 4 mempunyai seramai 476 pelajar dan 36 tenaga pengajar, ketika ini sekolah tersebut menerima seramai 57 pelajar memasuki prasekolah.

Rombongan Menteri Pendidikan



MENTERI Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman berinteraksi bersama murid-murid prasekolah di Sekolah Rendah Haji Mohd. Salleh, Sungai Hanching, Kluster 4.



YANG Berhormat Menteri Pendidikan berinteraksi bersama seorang murid prasekolah di Sekolah Rendah Kapok, Muara, Kluster 4.

meneruskan lawatan ke Sekolah Haji Mohd. Salleh, Sungai Hanching, Kluster 4.

Yang Berhormat Menteri Pendidikan dialu-alukan oleh Guru Besar, Sekolah Rendah Haji Mohd. Salleh, Sungai Hanching, Kluster 4, Dayang Hainyisah binti Haji Mustapa.

Sekolah berkenaan mempunyai seramai 333 pelajar dan seramai 33 tenaga pengajar, manakala itu pada tahun ini sekolah tersebut menerima kemasukan pelajar prasekolah seramai 37 orang.

Sebanyak 118 buah sekolah rendah kerajaan di negara ini telah menyediakan kelas-kelas prasekolah,

tahun ini, kanak-kanak yang memasuki kelas prasekolah adalah seramai 2,819 orang.

Kementerian Pendidikan melalui Unit Pemedulian dan Pendidikan Awal Kanak-Kanak telah membuat pelbagai inisiatif demi meningkatkan visi Kementerian Pendidikan dan juga bagi mendukung pencapaian Wawasan Brunei 2035 serta hasrat Sistem Pendidikan Negara Abad Ke-21.

Antara inisiatif yang diusahakan antaranya ialah Program Orientasi Prasekolah, Program Kemasukan dan Pendaftaran Kanak-Kanak Prasekolah secara Berperingkat-Peringkat (Staggered Entry and Registration) dan Program Penempatan Sukarelawan

Pelajar Tingkatan Enam Atas dan Tingkatan Lima di Kelas Prasekolah sebagai Pembantu Guru.

Juga menyertai rombongan Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras), Kementerian Pendidikan, Dr. Haji Junaidi bin Haji Abdul Rahman; Timbalan Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras), Kementerian Pendidikan, Dr. Hajah Romaizah binti Hj Mohd. Salleh; Ketua Pengarah Pendidikan, Awang Haji Rahim bin Derus; Pemangku Pengarah Sekolah-Sekolah, Awang Zaman bin Haji Gapar; Pemangku Pengarah Kenaziran, Dayang Nadia Lee Siew Hoon Abdullah dan pegawai-pegawai

kanan dari Kementerian Pendidikan.

Mahasiswa diseru pertahankan MIB



DEKAN Pelajar SHBIE, UBD, Dr. Jainatul Halida binti Haji Jaidin semasa hadir pada Sesi Pembukaan Orientasi Sarjana Dalam Pendidikan Bagi Tahun 2016.

Oleh : Dk. Siti Redzaimi
Pg. Haji Ahmad
Foto : Hamzah Mohidin

TUNGKU LINK, Isnin, 11 Januari. - Menjalankan tugas dan tanggungjawab dalam mendidik serta mengajar generasi yang baharu ke arah kecemerlangan dan akademik serta mempertahankan falsafah Melayu Islam Beraja (MIB) adalah perkara yang ditekankan oleh Dekan Pelajar Institut Pendidikan Sultan Hassan Bolkuah (SHBIE), Universiti Brunei Darussalam (UBD), Dr. Jainatul Halida binti Haji Jaidin kepada mahasiswa dan mahasiswi baharu semasa Sesi Pembukaan Orientasi Sarjana Dalam Pendidikan Bagi



KETUA Program 'School Partnership', Dr. Julainah Shak Poh Kam semasa menyampaikan taklimat.



KETUA Initial Teacher Preparation (ITP), Dr. Hajah Suraya binti Haji Tarasat semasa menyampaikan taklimat.



SEBAHAGIAN mahasiswa dan mahasiswi yang hadir pada majlis tersebut (kiri dan kanan).



Tahun 2016.

Acara diadakan di Senate Room, Dewan Canselor, UBD.

Dr. Jainatul Halida menyeru para pelajar untuk mengambil peluang yang baik untuk berinteraksi dengan pengalaman yang didedahkan oleh tenaga akademik untuk bekalan dalam menghadapi halangan dan cabaran.

Selain itu, para mahasiswa dan mahasiswi dinasihatkan agar mengembangkan keyakinan, saling bantu-membantu dalam pelajaran dan pendidikan serta ikhlas menerima dalam membantu negara serta masyarakat.

Lebih 170 mahasiswa dan mahasiswi mendaftar dalam program yang diadakan tahun ini yang menawarkan empat jurusan utama meliputi pendidikan dari peringkat rendah ke tinggi termasuk beberapa mata pelajaran seperti Matematik, Inggeris, Sains, Sejarah, Geografi, Ekonomi, Pendidikan Jasmani dan MIB.

Pada sesi orientasi itu, ceramah motivasi juga turut disampaikan oleh Pengiran Dr. Hajah Nur-Ashikin binti Pengiran Haji Petra dan Dr. Hajah Salwa binti Dato Seri Setia Haji Mahalle.

Bengkel APEX platform budaya kontemporari ASEAN

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 11 Januari. - Pertukaran Boneka ASEAN (ASEAN Puppetry Exchange - APEX) adalah bagi memajukan kerja-kerja artis boneka ASEAN serta hubungan jangka panjang kerjasama dan persefahaman kalangan artis dalam dan luar ASEAN.

Salah satu matlamatnya ialah untuk mengadakan dan menjelajahi satu persembahan boneka pada tahun 2017 bagi meraikan Sambutan ASEAN Ke-50.

Sehubungan itu, Negara Brunei Darussalam telah menjadi tuan rumah bagi Bengkel APEX kali ketiga yang disertai oleh ahli-ahli Penggiat Seni Tanah Air Brunei (PeSTAB), staf perpustakaan, belia dan penuntut Sekolah Menengah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

Bengkel selama lima hari yang disertai oleh 12 peserta berakhir malam tadi dengan penyampaian sijil pada majlis penutupan yang berlangsung di Dewan Silaturrahim, Pusat Belia di ibu negara.

Sijil-sijil disampaikan oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yusof.

Terdahulu, Pengerusi ASEAN Puppetry Association (APA) Negara Brunei Darussalam, Awang Haji Abdul Hakim bin Haji Mohd Yassin dalam alu-aluannya berkata, sepanjang bengkel dijalankan, banyak yang dapat dipelajari tentang cara-cara memainkan pelbagai jenis boneka seperti Wayang Kulit, Marionette dan Bunraku.

Jelasnya, fasilitator didatangkan daripada empat buah negara ASEAN iaitu Republik Singapura, Republik Kesatuan Myanmar, Republik Demokratik Rakyat Lao dan Viet Nam serta negara Jepun.

Bengkel yang diselenggarakan dalam beberapa hari ini, tambahnya, Brunei tidak mempunyai tradisi boneka, namun para peserta dapat mengetahui akan jenis-jenis boneka dari sembilan buah negara ASEAN lain dan memperolehi manfaat daripada bengkel tersebut.

Beliau berharap bidang seni itu akan dapat galakan dan dorongan daripada pihak-pihak tertentu dalam menyebarkan dan memperkembangkan wayang atau boneka itu.

Sementara Pengarah Eksekutif Yayasan ASEAN, Puan Elaine Tan dalam ucapannya berkata, boneka menggunakan kemahiran seperti pertukangan, seni visual, pementasan, sastera, lagu dan persembahan, dan dari itu ia kekal sebagai bentuk seni di Asia Tenggara yang juga mempamerkan warisan masyarakat dan platform eksperimen bagi cerita dan budaya kontemporari, di samping bagi perkembangan sosial dan individu masyarakat.

Puan Elaine Tan juga menyatakan



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yusof semasa menyampaikan sijil kepada seorang peserta ASEAN Puppetry Exchange (APEX).

penghargaan persahabatan ASEAN dan Jepun sejak 40 tahun yang lalu dan sama-sama merealisasikan program APEX berkenaan.

Manakala wakil Penyelaras APEX, Nguyen Thi Thu Thuy menyatakan

sebagai satu komuniti ASEAN, kita memperolehi satu lagi pencapaian di negara ini sepanjang bengkel itu yang bukan untuk diri sendiri sahaja malah untuk generasi ASEAN akan datang.



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bergambar kenangan bersama peserta APEX.



PEGAWAI-PEGAWAI Bahagian Kenaziran dari Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama semasa menyampaikan taklimat.

Ma'had terima penuntut baharu

Oleh : Ak. Syi'aruddin Pg. Daudin
Foto : Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali.

TUTONG, Isnin, 11 Januari. - 'Ke arah melahirkan cendekiawan Muslim sejati' merupakan Misi Ma'had Islam Brunei. Dalam merealisasikan matlamat tersebut, ma'had tersebut menyelenggarakan Majlis Pendaftaran Kemasukan Penuntut Sanah 5 (Tahun 5), bertempat di Dewan Besar Ma'had Islam Brunei, Tutong.

Seramai 91 penuntut Sanah 5 yang baharu, mendaftar ke Ma'had

Islam Brunei, 41 orang daripadanya adalah penuntut lelaki dan 50 orang adalah penuntut perempuan.

Daripada jumlah berkenaan, sebahagian besar penuntut terdiri daripada penduduk Daerah Tutong dan selebihnya adalah dari Daerah Brunei dan Muara serta Daerah Belait.

Tahun ini, ma'had itu juga menerima dua penuntut dari luar negara.

Acara dimulakan dengan bacaan

Al-Fatihah diketuai oleh Guru Kanan Ko-Kurikulum ma'had berkenaan, Awang Ariffin bin Haji Hamid, diikuti dengan ucapan alu-aluan dan sejarah ringkas ma'had yang disampaikan oleh Pemangku Pengetua.

Majlis diteruskan dengan taklimat ringkas mengenai pentadbiran, akademik dan mata pelajaran yang ditawarkan oleh ma'had tersebut yang disampaikan oleh Timbalan Pengetua Pentadbiran, Awang Zaidi bin Mohidin dan Timbalan Pengetua Akademik, Dayang Kamsiah binti Haji Morsidi.

Acara diikuti dengan Bacaan Ikrar yang diketuai oleh Lujnah Thullabiah dan Lagu Rasmi Ma'had Islam Brunei.

Untuk memberkati majlis, Doa Selamat dibacakan oleh Guru Kanan Hal Ehwal Pelajar, Awang Halizam bin Haji Asli.

Prefek-prefek kemudiannya membawa penuntut-penuntut berkenaan ke kelas masing-masing.

Hadir pada majlis tersebut ialah pegawai-pegawai Bahagian Kenaziran dari Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama, pemangku pengetua, timbalan-timbalan pengetua, guru-guru kanan, pegawai-pegawai, guru-guru yang terlibat dan penuntut-penuntut Sanah 5 serta ibu bapa dan penjaga mereka.



PARA pelajar baharu Ma'had Islam Brunei, Tutong semasa Bacaan Ikrar.



SEBAHAGIAN pelajar baharu mendengarkan taklimat.

118 buah sekolah sediakan kelas prasekolah

Siaran Akhbar Kementerian Pendidikan

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 11 Januari. - Kementerian Pendidikan selaku sektor kerajaan yang bertanggungjawab dalam memberikan pendidikan kepada rakyat di negara ini terus berusaha dalam meningkatkan kualiti pendidikannya di semua peringkat sama ada di peringkat pengajian tinggi, menengah, rendah mahu pun di peringkat pendidikan prasekolah.

Pada masa ini, sebanyak 118 buah sekolah rendah kerajaan di negara ini telah menyediakan kelas-kelas prasekolah.

Menurut Siaran Akhbar Kementerian Pendidikan, tahun ini, keramaian kanak-kanak yang memasuki kelas prasekolah seramai 2,819 (mengikut statistik dari Jabatan Sekolah-Sekolah).

Pelbagai inisiatif telah dilaksanakan demi meningkatkan visi Kementerian Pendidikan dan juga bagi mendukung pencapaian Wawasan Brunei 2035 serta hasrat Sistem Pendidikan Negara Abad Ke-21 (SPN21).

Unit Pemedulian dan Pendidikan Awal Kanak-Kanak juga telah merancang dan sedang melaksanakan beberapa persediaan serta inisiatif seperti mengadakan Program Orientasi Prasekolah untuk Kanak-Kanak Baru Prasekolah Tahun 2016 pada bulan November 2015 yang lalu.

Kemudian Program Kemasukan dan Pendaftaran Kanak-Kanak Prasekolah Secara Berperingkat-Peringkat (Staggered Entry and Registration) pada minggu pertama bulan Januari 2016 juga telah dilaksanakan oleh semua prasekolah senegara mengikut pilihan tarikh yang bersesuaian bagi setiap sekolah.

Selain itu, Unit Pemedulian dan Pendidikan Awal Kanak-Kanak juga berinisiatif untuk mengadakan Program Penempatan Pelajar Tingkatan Enam Atas dan Tingkatan Lima di Kelas Prasekolah sebagai Pembantu Guru.

Program Orientasi Prasekolah untuk Kanak-Kanak Baru Prasekolah tahun ini telah dilaksanakan pada bulan November tahun lalu dan telah diperkenalkan mulai tahun 2011.

Program orientasi tersebut diadakan setiap tahun pada bulan November dengan melibatkan ibu bapa kanak-kanak menghantar anak-anak mereka ke kelas yang telah diaturkan oleh pihak sekolah.

Semua pemimpin sekolah rendah kerajaan di negara ini bersama-sama dengan guru-guru prasekolah mereka telah mengadakan program orientasi tersebut di sekolah masing-masing.

Pelbagai aktiviti pembelajaran yang menyeronokkan dan melibatkan penyertaan semua kanak-kanak baharu itu akan diaturkan oleh pihak sekolah bagi menyambut kedatangan mereka.

Dengan itu, program orientasi itu juga diharap akan dapat membantu mencapai hasrat *Zero crying kids on first day of schools* atau *No tears on first day of school* dengan menyediakan suasana pembelajaran yang menggembirakan mereka.

Program orientasi itu dijalankan di semua sekolah rendah kerajaan mengikut tarikh-tarikh yang dipilih oleh sekolah masing-masing.

Kebanyakan sekolah-sekolah akan mengadakan taklimat untuk ibu bapa sebagai salah satu acara program orientasi mereka.

Tujuan utama program orientasi tersebut dikenalkan ialah untuk memberi peluang kepada kanak-kanak prasekolah yang akan memulakan persekolahan mereka tahun depannya, di samping membiasakan diri dengan peralihan (*transition*) suasana dan pengalaman dari rumah ke sekolah agar lebih lancar, sempurna dan penuh keyakinan.

Dengan berbuat demikian, program orientasi itu juga dapat meningkatkan perkembangan emosi dan sosial kanak-kanak agar lebih bersedia menghadapi suasana baharu yang jauh berbeza dari suasana rumah mereka.

Selain itu, ia membantu kanak-kanak menyesuaikan diri dengan rutin harian persekolahan baharu agar mereka merasa

selesa dan selamat dengan suasana bilik darjah, persekitaran sekolah, pergaulan bersama guru-guru dan rakan-rakan mereka yang sama-sama baru memasuki alam persekolahan yang formal.

Antara rutin harian prasekolah yang dimaksudkan ialah seperti membiasakan kanak-kanak dengan tempat duduk mereka di dalam kelas, meletakkan bekalan makanan dan kasut mereka di tempat yang dihaskan, belajar adab berdoa dan mencuci tangan sebelum makan dan selepas makan, memberi salam kepada guru-guru mahupun rakan-rakan yang akan bersekolah bersama mereka.

Dalam masa yang sama juga, orientasi itu secara tidak langsung dapat mengeratkan hubungan di antara ibu bapa atau penjaga kanak-kanak dengan pihak sekolah memandangkan peranan ibu bapa sangat penting sebagai guru pertama dan utama kanak-kanak sebelum mereka melangkah ke sekolah.

Di samping itu juga, guru-guru akan merasa lebih bersedia untuk menghadapi kanak-kanak baharu menjelang tahun baharu di mana mereka dapat mengenal pasti kehendak dan keperluan kanak-kanak khususnya yang mempunyai keperluan khas.

Selanjutnya, guru-guru juga akan dapat menjalin hubungan mesra dengan ibu bapa mengenai perkembangan anak-anak mereka. Dan yang paling penting sekali, guru-guru akan lebih bersedia dengan pelbagai aktiviti pembelajaran setelah mengetahui tahap dan keperluan pembelajaran kanak-kanak ketika orientasi selain menyediakan suasana pembelajaran yang lebih kondusif dengan pelbagai rancangan aktiviti pembelajaran.

Selain itu, program orientasi ini juga membawa kebaikan kepada ibu bapa untuk bersedia dalam menyediakan pakaian seragam sekolah, pakaian sukan dan peralatan sekolah yang diperlukan.

Yang paling penting sekali ialah ibu bapa akan didedahkan dengan pembelajaran melalui bermain, yang merupakan strategi pembelajaran kanak-kanak di peringkat prasekolah ketika mereka di bilik darjah anak-anak mereka.

Pelaksanaan orientasi ini adalah mengikut kreativiti guru-guru prasekolah masing-masing dalam merancang kepelbagaian aktiviti untuk menarik minat kanak-kanak prasekolah untuk hadir dan lebih bersedia mengikuti kelas prasekolah yang formal pada tahun depan.

Aktiviti yang dirancang merupakan sesuatu yang menyeronokkan, praktikal, *hands-on* dan menggunakan pelbagai jenis pedagogi seperti nyanyian, pergerakan, lakonan, cerita, melukis, permainan bebas dan permainan yang menggunakan pelbagai jenis bahan seperti blok, doh, bahan kitar semula dan benda-benda hidup yang terdapat di sekeliling kanak-kanak.

Manakala itu, ibu bapa atau penjaga pula dibenarkan untuk turut serta di dalam kelas prasekolah sepanjang orientasi dijalankan.

Waktu menghantar anak-anak mereka ke sekolah juga tidak ditetapkan dan mereka diberi kelonggaran untuk menghantar dan mengambil anak mereka mengikut kesesuaian dan kelapangan masa mereka sendiri.

Kanak-kanak baru tersebut diberi kebebasan sama ada untuk memakai pakaian sekolah, membawa beg sekolah dan bahan-bahan tulis, semua itu tertakluk pada persediaan dan kemampuan keluarga masing-masing.

Program Kemasukan dan Pendaftaran Kanak-Kanak Prasekolah Secara Berperingkat-Peringkat (Staggered Entry and Registration) merupakan salah satu program yang memberikan autonomi kepada para pemimpin sekolah untuk memulakan persekolahan kanak-kanak prasekolah mereka bila-bila masa pada awal minggu pertama bulan Januari.

Mulai tahun 2012 hingga kini, kanak-kanak prasekolah tidak lagi memulakan hari



GAMBAR HIASAN ... Suasana pengajaran dan pembelajaran salah sebuah kelas prasekolah.

pertama persekolahan mereka serentak dengan murid-murid dan pelajar-pelajar lain di negara ini.

Objektif mengadakan kelainan tarikh sebagai hari pertama persekolahan kanak-kanak prasekolah ialah untuk memberi peluang kepada para guru prasekolah agar lebih bersedia untuk menerima kemasukan mereka dengan lebih teratur dan sempurna.

Mereka dapat menyediakan tempat duduk murid-murid baharu dengan melabel tempat duduk mereka dengan nama-nama murid tersebut, selain itu juga, tempat letak kasut murid-murid juga dapat disediakan dengan lebih tersusun.

Ibu bapa atau penjaga juga merasa yang anak-anak mereka berada dalam keadaan selesa dan selamat kerana mereka dapat memberikan tumpuan khas kepada anak-anak prasekolah mereka sahaja disebabkan anak-anak yang lebih tua telah memulakan persekolahan mereka lebih awal lagi.

Di samping itu, para pemimpin sekolah juga dapat meluangkan masa mereka khusus kepada mana-mana ibu bapa yang baharu mendaftar anak mereka atau menerima kanak-kanak baharu yang bertukar dari sekolah kerajaan lain mahupun dari swasta.

Dengan itu, pentadbiran sekolah dan proses kemasukan murid-murid prasekolah akan menjadi lebih teratur dan dalam keadaan tenang dan dengan itu pembelajaran dapat berjalan dengan baik sebagai kesinambungan dari program orientasi yang diadakan pada bulan November sebelumnya.

Terkini, Program Penempatan Pelajar Tingkatan Enam Atas dan Tingkatan Lima di Kelas Prasekolah sebagai Pembantu Guru ini merupakan satu program yang diperkenalkan mulai Januari 2013.

Dalam program itu, pelajar-pelajar lepasan peringkat 'A' dan 'O' yang sedang menunggu keputusan peperiksaan mereka telah dilantik sebagai Pembantu Guru (Teacher Assistants) sukarelawan di kelas-kelas prasekolah di negara ini.

Penempatan para pelajar tersebut ke sekolah-sekolah bergantung kepada alamat tempat mereka tinggal kerana kebanyakan mereka terdiri daripada para pelajar yang belum

mempunyai kereta sendiri dan perlu dihantar oleh ibu bapa mereka, maka dengan itu, tidak semua sekolah akan mempunyai Pembantu Guru.

Tujuan utama program itu untuk mendedahkan kepada para pelajar yang terdiri daripada para belia mengenai budaya dan konsep sukarelawan dengan melaksanakan khidmat bakti secara sukarela kepada masyarakat yang mana sangat bermanfaat untuk pembangunan sahsiah dan jati diri mereka.

Program itu juga menjadikan para pelajar lebih produktif dengan melakukan kerja-kerja amal dan memberikan khidmat bakti kepada masyarakat tanpa ganjaran kewangan.

Selain itu, program ini juga membantu membina kemahiran insaniah dalam kalangan para pelajar yang mana mereka tidak berpeluang mengembangkannya ketika mereka masih menuntut seperti kemahiran berkemahiran, kerja berpasukan dan kepimpinan.

Inspirasi menjadi pendidik juga dapat disebarkan melalui program ini kerana mereka berpeluang untuk membantu dan menyaksikan tugas dan tanggungjawab menjadi seorang guru prasekolah, pengalaman itu merupakan satu pembelajaran sepanjang hayat (*life-long learning*) kepada para pelajar ini.

Pada kesimpulannya, pihak Kementerian Pendidikan berharap agar program orientasi, Program Kemasukan dan Pendaftaran Kanak-Kanak Prasekolah Secara Berperingkat-Peringkat dan Program Penempatan Pelajar Tingkatan Enam Atas dan Tingkatan Lima di Kelas Prasekolah sebagai Pembantu Guru ini akan dapat membantu setiap *stakeholder* yang terlibat di dalam pendidikan awak kanak-kanak lebih bersedia menghadapi kanak-kanak baharu prasekolah dengan kepelbagaian aktiviti yang mampu memberikan pendidikan yang holistik dan seimbang.

Pengendalian program-program ini juga dihasratkan untuk dapat meningkatkan kualiti pendidikan di negara ini dengan melahirkan kanak-kanak yang lebih berkeyakinan serta dapat berkari melalui pengalaman yang disediakan oleh pihak Kementerian Pendidikan sejajar dengan aspirasi SPN21.

Orang ramai dialu-alukan menderma darah

Siaran Akhbar Kementerian Kesihatan

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 12 Januari. - Pusat Pendermaan Darah Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (Hospital RIPAS) memaklumkan kepada orang ramai mengenai Kempen Derma Darah yang akan diadakan pada hari Khamis, 14 Januari 2016 bermula jam 7.30 hingga 9.00 malam bertempat di Pusat Pendermaan Hospital RIPAS (Tingkat Bawah, berdekatan dengan Kaunter Perkhidmatan Farmasi Pesakit Luar).

Kempen Derma Darah tersebut bertujuan untuk meningkatkan stok darah di pusat berkenaan.

Sehubungan itu, orang ramai adalah dialu-alukan untuk menderma darah pada tarikh, jam dan tempat yang telah ditetapkan.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi Pusat Pendermaan Darah melalui talian 2242424 sambungan 5745/ 5709.

6,000 peralatan sekolah berjaya dikutip



ORANG ramai yang menderma dan menyumbangkan barang keperluan sekolah.

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 10 Januari. - Persatuan Kemajuan Insan (KESAN) telah berjaya mengutip sebanyak 6,000 peralatan sekolah dengan bilangan melebihi 100 sumbangan pada Majlis Hari Bertindak (Day of Action - D.O.A) sempena Sambutan Hari Sukarelawan Antarabangsa bertempat di Dewan Pusat Belia, di sini.

Dalam temu bual Pelita Brunei bersama Presiden Persatuan KESAN, Awang Mohammad Aidil Firdaus bin Haji Jukin, beliau merakamkan berbilang terima kasih kepada individu-individu dan organisasi-organisasi yang siap sedia menabur bakti kepada masyarakat yang memerlukan.

Tahun ini tambahnya, persatuan tersebut dengan perkongsian maklumat melalui pihak Jabatan Sekolah-Sekolah, bersetuju untuk mengadakan aktiviti sumbangan berbentuk peralatan persekolahan yang dihasratkan untuk meringankan beban yang ditanggung oleh

keluarga-keluarga yang kurang berkemampuan.

Menurutnya, acara tersebut adalah bagi memperkenalkan orang ramai pada Persatuan KESAN yang merupakan sebuah persatuan menentang aspek kepemimpinan dalam kalangan belia, di samping mempelbagaikan aktiviti berkaitan dengannya.

Selain itu jelasnya, acara tersebut turut mempamerkan Program Belia Brunei Berbakti (3B) 2016 dengan tema Nasionalisme (Bruneiku) yang akan dirasmikan pada 7 Februari tahun ini dalam tempoh satu bulan pelaksanaan.

Ujarnya lagi, program tersebut dihasratkan bagi penyertaan belia-belie pencinta tanah air untuk tampil ke hadapan menentang cabaran yang disajikan.

Menyentuh mengenai hasrat D.O.A 2016, Awang Mohammad Aidil menjelaskan bahawa ia diharap akan dapat menjadi catatan amal soleh kepada semua yang terlibat, sesuai

dengan firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al'Asrar ayat tiga yang menyentuh mengenai orang-orang yang beriman dan melakukan amal-amal soleh.

Selain itu tambahnya, mengukuhkan amal kebajikan dalam bentuk bantuan adalah sesuai dengan hadith riwayat Muslim, "Barang siapa memberi kemudahan orang yang mengalami kesulitan nescaya Allah berikan kepadanya kemudahan di dunia dan di akhirat."

Jelasnya lagi, ia juga dapat mendidik diri sendiri, KESAN serta ahli-ahli lainnya dan orang ramai untuk berkongsi sebuah nikmat yang disyukuri dan dalam usaha mensyukuri nikmat yang Allah Subhanahu Wata'ala berikan, hendaklah ditambahkan dengan amal-amal yang berpanjangan seperti amal jariah.

"Alhamdulillah, Persatuan Kemajuan Insan (KESAN) ditubuhkan pada Disember 2006. Ia ditubuhkan oleh orang-orang tempatan yang mencintai tanah air dengan mendukung falsafah Melayu Islam Beraja (MIB) dan hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk menjadikan Negara Brunei Darussalam ini sebagai sebuah Negara Zikir. Visi KESAN adalah Menjana

Insan Mulia manakala misinya adalah Membangun Sahsiah Kepimpinan dalam kalangan Belia di Negara Brunei Darussalam," katanya.

KESAN dari mula hingga kini katanya, bergiat aktif dalam menentang aspek kepemimpinan dalam diri individu, semangat kepekaan, ilmu dan pengetahuan melalui program motivasi, di samping mengajak pada aktiviti-aktiviti termasuk dari aspek fizikal, kemasyarakatan dan kesukarelawanan.

Walau bagaimanapun tambahnya, sebagai sebuah NGO yang mengutamakan kepemimpinan, KESAN mengajak para belia untuk sama-sama menyalut cabaran yang disediakan khasnya melalui program 3B 2016 nanti.

Saranan beliau untuk para belia yang ingin menjadi sukarelawan ialah rebutlah peluang untuk menabur bakti hingga hasilnya yang ranum dapat dituai setiap masa seperti mana perambahan Melayu menyebutkan "Tak kenal maka tak cinta".

Tambahnya, kenikmatan yang selalu dilupakan adalah nikmat sihat dan masa yang terluang, maka perlulah dikerahkan tenaga belia kitani untuk menikmati kehidupan yang jauh lebih bermakna.

"KESAN berharap penyertaan



PRESIDEN Persatuan KESAN, Awang Mohammad Aidil Firdaus bin Haji Jukin.

belia-belie Brunei dalam program 3B anjuran persatuan ini menjadi pentas memulai perjalanan dalam kehidupan. Pendedahan kepada keadaan sekeliling dan keadaan semasa akan cuba digiatkan. Keberlangsungan melakukan amal-amal yang berkeadilan kerana jika hidup menjadi orang yang baik sahaja, belum memadai," jelasnya lagi.



ANTARA peralatan sekolah yang disumbangkan pada Majlis Hari Bertindak sempena Sambutan Hari Sukarelawan Antarabangsa di Dewan Pusat Belia (kiri dan kanan).



Bersihkan kubur sempena Hari Polis



SEBAHAGIAN anggota Daerah Polis Temburong membaca tahlil selepas membersihkan kubur.

Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei

TEMBURONG, Isnin, 11 Januari. - Sempena Hari Polis Pasukan Polis Diraja Brunei Ke-95 Tahun, Daerah Polis Temburong mengukuhkan aktiviti membersihkan Tanah Perkuburan Islam Semamang, Pekan Bangar, Sabtu lalu.

Aktiviti tersebut dihadiri oleh Penolong Penguasa Balai Polis Bangar, Inspektor Reynold @ Daniell Chin; anggota Balai Polis Bangar dan

Ibu Pejabat Daerah Polis Temburong; Pengawasan Kejiranan (PK) Mukim Bangar; Penghulu Mukim Bangar selaku Penasihat PK, Awang Haji Abdul Rahman bin Merusin; Ketua Kampung Menengah selaku Pengerusi PK Kampung Menengah / Sungai Tanit / Sungai Suluk / Sungai Tanam, Mejar (B) Ampuan Hussain bin Ampuan Mattahir @ Awang dan Ketua Kampung Batang Tuau selaku Pengerusi PK Kampung Batang Tuau /

Seri Tanjong Belayang, Awang Haji Jainih @ Zaini bin Haji Tahir.

Turut membantu, dua ahli sukarelawan Pengakap Daerah Temburong dan juga anggota-anggota dari Pasukan Simpanan 'C' Kompeni Polis Cawangan Daerah Temburong.

Sejurus selesai aktiviti membersihkan tanah perkuburan, acara diteruskan dengan bacaan Surah Yaa Siin dan bertahlil diketuai oleh Ketua Kampung Menengah selaku Pengerusi PK Kampung Menengah / Sungai Tanit / Sungai Suluk / Sungai Tanam, Mejar (B) Ampuan Hussain bin Ampuan Mattahir @ Awang.



KERJA membersihkan kubur oleh anggota Daerah Polis Temburong.

Nasib anak yatim terus dipedulikan

Siaran Akhbar : Jabatan Daerah Belait

KUALA BELAIT, Ahad, 10 Januari. - Sebuah rumah anak-anak yatim piatu yang beralamat di Nombor 14, Jalan Singap, Kampung Merangking, Mukim Bukit Sawat kini telah dibersihkan dan dibaik pulih melalui Program 'Day Of Action' (D.O.A).

Dalam Siaran Akhbar Jabatan Daerah Belait, program dikelola oleh Jabatan Belia dan Sukan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Jabatan Daerah Belait dengan kerjasama Jabatan Belia dan Sukan Cawangan Daerah Belait, Kumpulan Sukarelawan Daerah Belait yang

terdiri dari ahli-ahli Persatuan-Persatuan Pengakap Daerah Belait, Kelab Kumpulan Pemilik Skuter Daerah Belait, Persatuan KEMAS, Majlis Belia Daerah Belait dan ASEAN Young Professional Volunteer Corp. serta ahli-ahli Majlis Perundingan Kampung Merangking dan beberapa agensi kerajaan lain.

Rumah tersebut merupakan rumah bantuan yang telah diwarisi oleh anak-anak Allahyarham Shanang bin Fikur dan isterinya Allahyarhamah Nursyasya Ardini binti Md. Sadin.

Kerja-kerja tersebut dibahagikan

pada beberapa bahagian, iaitu kerja memotong rumput, membersihkan luar dan dalam rumah, mengganti cermin dan jendela serta mencat kawasan dalam rumah.

Adalah diharapkan melalui Program D.O.A tersebut akan dapat menarik lebih penyertaan terutamanya belia-belie serta mengembangkan program atau aktiviti sukarelawan dalam kalangan masyarakat Brunei serta dapat menjalinkan ikatan di antara agensi-agensinya kerajaan dan badan-badan bukan kerajaan serta para sukarelawan dalam menjalankan aktiviti-aktiviti kemasyarakatan di negara ini.

Pemenang Minda Pembaca!



Nilai Melayu Islam Beraja bentuk jati diri

ALHAMDULILLAH sekarang tahun 2016, sudah 32 tahun Negara Brunei Darussalam merdeka. Pada 1 Januari 1984 yang lalu, negara kita iaitu Negara Brunei Darussalam telah mencapai kemerdekaan. Mungkin ada di antara kita yang masih ingat akan peristiwa yang terjadi pada hari keramat itu, di mana titik penegakkan Melayu Islam Beraja (MIB) bermula. Ketika Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin berkenan titah, suasana menjadi sepi. Kemudian laungan "Allahuakbar" memecah kesunyian dilayangkan oleh baginda, lalu semua rakyat Brunei yang hadir menyahut laungan baginda, "Allahuakbar" sambil mengangkat tangan tanda syukur ke udara. Sahutan tersebut berlangsung sebanyak tiga kali, terasa seperti gempa menggegarkan bumi Brunei. Air mata rakyat berjatuhan menyembah bumi, "Alhamdulillah Brunei sudah merdeka."

Semenjak hari itu, Negara Brunei Darussalam menjadi satu negara yang aman makmur dan damai dengan berlandaskan konsep MIB sepertimana titah Permaisuri Kemerdekaan Negara Brunei Darussalam Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam: "Negara Brunei Darussalam adalah dengan izin serta limpah kurnia Allah Subhanahu Wata'ala, akan untuk selama-lamanya kekal menjadi sebuah negara MIB yang merdeka, berdaulat dan demokratik bersandikan kepada ajaran-ajaran agama Islam, menurut Ahli Sunnah Waljamaah dan dengan berasaskan keadilan, dan amanah, dan kebebasan dan dengan petunjuk serta keredaaan Allah Subhanahu Wata'ala jua dan akan sentiasa berusaha pada memperolehi ketenteraman dan keselamatan, kebajikan dan kebahagiaan bagi rakyat beta..." MIB bukan hanya sekadar konsep, ia merupakan falsafah Negara Brunei Darussalam yang bermaksud Negara Brunei Darussalam merupakan sebuah negara Melayu yang

berpandukan akidah Islam dengan Ulil Amri (sultan) sebagai pemerintah negara. Ini bermakna semua orang wajib mengikuti falsafah ini, walaupun terdapat beberapa puak dan juga rakyat yang berlainan agama selain Islam, kesepaduan tetap dapat diraih atas kesetiaan mereka kepada sultan dan negara. Ini adalah kerana kebijaksanaan pimpinan sultan yang mentadbir dan juga berkat falsafah MIB yang berjaya membentuk jati keBruneian dalam diri rakyat.

Pengertian MIB merangkum tiga komponen penting dan tiga komponen inilah yang saling mengukuh di antara satu sama lain, tiada satu pun yang dapat berdiri dengan sendirinya. Tiga komponen itu ialah Melayu, Islam dan Beraja. Pertama iaitu Melayu bererti kebudayaan Melayu. Seperti yang kita tahu, terdapat tujuh puak jati di Negara Brunei Darussalam yang mempunyai nilai-nilai kebudayaan Melayu seperti perilaku dan adab yang baik-baik serta telah menjadi warisan turun-temurun. Kedua iaitu Islam merupakan agama rasmi negara menurut Ahli Sunnah Waljamaah berpandukan Al-Quran dan Hadith. Ketiga iaitu Beraja yang bermaksud di bawah pimpinan Ulil Amri (sultan), sepertimana dalam Al-Quran "Hai orang-orang yang beriman, taatilah Allah dan taatilah Rasul (Muhammad), dan Ulil Amri di antara kalangan kalian." (An-Nisa: 59)

Demikianlah MIB ini mesti dipertahankan sampai bila-bila, kerana tanpa MIB ini, negara kita tidak mungkin akan bersepadu dan hidup aman damai serta makmur. Kesimpulannya, bersama-sama kita mendukung konsep MIB kerana konsep ini membentuk jati diri insan yang sempurna dan keBruneian. Semoga Allah Subhanahu Wata'ala akan terus melimpahkan rahmat-Nya kepada Negara Brunei Darussalam dan segala manusia di dalamnya, agar semua usaha kebajikan yang kita laksanakan bagi kepentingan dan kemajuan negara kita yang tercinta ini akan dapat disempurnakan serta mendapat keredaaan Allah jua.

Nama : Dayang Nur Ayu Zurainie binti Janie
No. K/P : 01-053369 (K)
Alamat : No. 8, Simpang 12, Jalan Nenas Paun,
STKRJ Katok 'B', Gadong, Negara Brunei Darussalam

Serlahkan kreativiti penulisan awda dengan menyertai ruangan ini :

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Suburkan Sikap Bersopan Santun Berbudi Bahasa'. Tarikh Tutup : 13 Januari 2016.
2. 'Terokai Bidang Ekonomi Baharu'. Tarikh Tutup : 20 Januari 2016.
3. 'Semai Semangat Kesukarelawan Kalangan Belia'. Tarikh Tutup : 27 Januari 2016.

Terma dan Syarat :

1. Penyertaan dibuka kepada remaja yang berusia lingkungan 15 hingga 25 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.
3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

Sidang Pengarang, Minda Pembaca
Unit PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam.
atau melalui
E-mel : pelita.brunei@information.gov.bn

4. Sebanyak satu penyertaan terbaik akan disiarkan dalam Akhbar Rasmi Kerajaan PELITA BRUNEI dan akan menerima hadiah wang tunai sebanyak BND75.00.

Tunggu apa lagi... Hantarkan pendapat awda sekarang e-mel ke: pelita.brunei@information.gov.bn

Hakikatnya kita hanya musafir

DALAM hadits yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari, daripada Abdullah bin Umar, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda sambil memegang bahunya: "Jadilah kamu (semasa hidup) di dunia seolah-olah kamu seorang pengembara atau menyeberang sebatang jalan."

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam di sini telah menyatakan satu ungkapan yang sangat pendek namun maknanya sangat luas dan mendalam untuk kita renungi. Baginda mengibaratkan kehidupan kita di dunia ini adalah umpama seorang pengembara atau musafir. Mengapa Rasulullah menyatakan demikian? Kerana hakikatnya seorang musafir itu cuma berhenti sementara dan apabila tiba saatnya dia akan berlalu pergi jua. Mereka cuma bertujuan untuk mencari bekalan dan keperluan untuk meneruskan perjalanan selanjutnya selepas itu. Itulah hakikat yang perlu kita ingat sebagai hamba kepada Maha Pencipta, Pemilik Sekalian Alam.

Jelasnya, tujuan kita hidup di dunia ini adalah kerana akhirat semata-mata. Jika bekalan yang dibawa sepanjang pengembaraan atau kehidupan ini bekalan yang baik, maka baiklah kehidupan kita di destinasi yang kekal seterusnya, begitu jugalah sebaliknya. Inilah sebaik-baik ciri musafir yang

bermatlamat. Dia tahu akan matlamat sebenar pengembaraannya sehingga dia menggunakan peluang sebagai musafir itu dengan baik sekali.

Namun janganlah pula kita menjadi musafir yang sekali-kali lupa jalan pulang. Musafir yang lalai, ketawa riang tanpa mengingat suatu masanya kita akan kembali ke Maha Pencipta dalam sedikit masa lagi. Dia mula terpesona dengan keindahan yang memperdaya di sepanjang persinggahannya dan seterusnya lupa akan asal-usulnya, tujuan dan matlamat sebenarnya sehinggalah ada yang menegurnya untuk pulang tetapi tetap diendakkannya.

Sebagai manusia, memang diakui sering kali kita silap dan kadang-kadang tersesat di perjalanan. Walaupun demikian, berusaha memperbaiki diri tanpa putus asa dan mulalah bertanya petunjuk kepada mereka yang lebih arif bagaimana cara yang betul mahu sampai ke sebuah destinasi yang dituju. Apabila matlamat sudah jelas, setentunya kita tidak akan sekali-kali goyah walau menghadapi badai dan ribut yang sangat mencabar. Kita tetapkan terus berlari dan tetap kuat sehingga sampai ke destinasi dengan selamat. Dalam konteks ini, bekalan yang terbaik itulah ketakwaan iaitu amal soleh dalam menjalankan segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Allah

Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Surah Al-Baqarah, ayat 197, yang bermaksud:

"Dan hendaklah kamu membawa bekal dengan secukupnya maka sesungguhnya sebaik-baik bekal itu ialah takwa. Dan bertakwalah kamu kepada-Ku wahai orang-orang yang mempunyai akal (yang dapat memikir dan memahaminya)."

Manakala dalam Surah Adz-Dzaariyaat, ayat 56, Allah Subhanahu Wata'ala berfirman: "Dan tidak Aku menciptakan jin dan manusia melainkan hanya untuk beribadat kepada-Ku."

Ayat ini menunjukkan bahawa ibadah adalah tujuan utama kita diciptakan. Musafir yang bijaksana sentiasa efisien akan waktunya dan mengambil setiap kesempatan yang ada untuk menyediakan bekalan takwa. Imam an-Nawawi pernah berkata: "Sesungguhnya bagi Allah Subhanahu Wata'ala ada hamba-Nya yang bijaksana, yang menolak dunia kerana takutkan fitnahnya, lalu dia melangkah dengan penuh berhati-hati kerana dia sadar dunia bukan tempat (watan) yang kekal abadi, lantas dia membayangkan laluan dunia itu bak laut yang dalam, dia membawa bekalan yang baik-baik dan kenderaan yang menyampaikannya ke sebuah destinasi."

Justeru itu, janganlah kita bertanggung-tanggung lagi dalam amal ibadat



dan perkara-perkara yang mulia. Namun haruslah diingat, peringatan Rasulullah dalam hadits tersebut adalah untuk mengajak kita menyedari hakikat diri kita dan bukannya mengajar kita untuk menolak sepenuhnya kehidupan di dunia tetapi menyeimbangkan kehidupan serta mengambil sebahagian kecil dunia ini untuk persiapan akhirat. Kembalilah memuhasabah diri dengan sentiasa memeriksa amalan-amalan kita, merenungi perjalanan hidup yang telah dilalui serta sentiasa merasa kurang sehingga wujudnya perasaan untuk sentiasa beristighfar kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

Oleh itu, janganlah kita hidup di dunia milik Allah Subhanahu Wata'ala ini dengan sikap sambil lewa. Semoga dengan sisa umur kita di dunia ini, Allah menjadikan kita sebagai musafir yang bijaksana yang tidak tertipu dengan keindahan dunia yang sementara. Terlalu banyak nikmat yang telah Allah kurniakan kepada kita, maka manfaatkanlah masa dan anugerah Allah Subhanahu Wata'ala itu untuk kita sentiasa berjuang mendapat keredaaan-Nya.

Barang pemberian: Tidak boleh daripada bahan yang najis

(Dengan nama Allah, Segala puji bagi Allah, Selawat dan salam ke atas Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)

A MALAN menghulurkan pemberian kepada orang lain terutama kepada golongan yang memerlukan merupakan salah satu daripada perkara kebaikan yang digalakkan oleh syara'. Dalam bahasa Arab, pemberian secara umum disebut sebagai 'athiyah'. 'Athiyah' atau pemberian merangkumi *hibah*, sedekah dan hadiah. Namun ketiga-tiga perkara tersebut adalah berbeza dari segi tujuan dan maksud seseorang ketika menyampaikannya kepada si penerima.

- Jika pemberian itu bukan bermaksud untuk mendekatkan diri kepada Allah *Subhanahu Wata'ala* dan bukan sebagai penghargaan mahupun penghormatan kepada si penerima, maka ia dimaksudkan sebagai *hibah*.

- Jika pemberian itu dimaksudkan untuk mendekatkan diri kepada Allah *Subhanahu Wata'ala*, maka ia adalah sedekah.

- Jika pemberian itu dimaksudkan sebagai penghormatan atau penghargaan, maka ia dinamakan hadiah.

Dengan demikian, dapat disimpulkan bahawa setiap sedekah dan hadiah itu adalah *hibah*, tetapi bukan semua *hibah* itu adalah sedekah dan hadiah.

Rukun *hibah* terbahagi kepada tiga bahagian iaitu;

1. Orang yang berakad (pemberi dan penerima)
2. Barang pemberian
3. *Sighah* (lafaz ijab dan qabul)

Mengenai rukun 'barang pemberian', setiap benda yang diharuskan untuk dijual beli, maka harus juga untuk dijadikan sebagai pemberian. Bagi menentukan sesuatu barang itu boleh dijadikan sebagai barang pemberian hendaklah barang tersebut menepati syarat-syarat yang ditetapkan oleh syara'. Syarat 'barang pemberian' hendaklah:

1. Barang itu sesuatu yang diketahui oleh si pemberi dan penerima;
2. Suci;
3. Dapat dimanfaatkan sebagaimana yang disyaratkan dalam perkara barang jual beli.

Barang Yang Dijadikan *Hibah* Hendaklah Suci

Apa yang dimaksudkan dengan syarat 'suci' di atas ialah apa yang kosong daripada najis (tidak najis). Dalam perkara jual beli, tidak sah jual beli sesuatu yang najis atau yang bernajis sebagaimana berikut:

1. '*Ain najis* (benda): Seperti anjing, walaupun anjing yang dilatih untuk berburu dan seumpamanya, babi, arak, darah, tahi dan air

MENGENAI rukun 'barang pemberian', setiap benda yang diharuskan untuk dijual beli, maka harus juga untuk dijadikan sebagai pemberian. Bagi menentukan sesuatu barang itu boleh dijadikan sebagai barang pemberian hendaklah barang tersebut menepati syarat-syarat yang ditetapkan oleh syara'. Syarat 'barang pemberian'

kencing.

2. Sesuatu yang *terkena najis* dan kemudiannya tidak dapat disucikan umpamanya minyak yang terkena air kencing atau susu bercampur sesuatu najis atau air kopi bercampur darah dan yang seumpamanya.

Sebaliknya jika benda yang terkena najis itu dapat disucikan seperti baju yang terkena darah, maka ia sah jual beli kerana baju tersebut masih dapat disucikan.

Syarat suci yang dikenakan ke atas barang pemberian adalah semuanya sama seperti syarat suci dalam perkara jual beli. Maka hendaklah barang-barang pemberian itu:

1. Bukan barang-barang najis seperti darah, bangkai, babi, anjing, arak dan sebagainya.
2. Tidak terkena atau mengandungi sesuatu yang berasal daripada benda yang najis seperti enzim babi atau titikan arak dan yang seumpamanya.

Jika barang yang hendak dijadikan pemberian itu terkena najis atau mengandungi sesuatu yang berasal daripada najis, hendaklah ianya boleh disucikan seperti baju yang terkena tahi anjing dan dapat dihilangkan najis tersebut serta diserti, maka sah pemberian tersebut.

Hibah Berupa Makanan Yang Berkemungkinan Mengandungi Bahan Tidak Suci

Salah satu bentuk pemberian yang biasa dihulurkan kepada orang lain ialah pemberian berupa makanan sama ada makanan yang dimasak sendiri atau makanan yang dibeli di kedai-kedai. Dari segi syarat penyajian dan juga

pemberian, makanan itu hendaklah merupakan sesuatu yang suci atau tidak mengandungi bahan-bahan yang tidak suci.

Untuk menjelaskan mengenai kedudukan makanan yang berkemungkinan mengandungi bahan yang tidak suci umpamanya kek atau kuih-muih yang dibuat daripada bahan yang diragui kehalalannya atau apa yang diistilahkan sebagai *syubhah*.


Syubhah atau dalam bahasa Melayunya disebut keraguan atau kesangsian bermaksud:

- a. Sesuatu yang tidak diyakini akan halal atau haramnya.
- b. Sesuatu yang tidak diketahui adakah pada hakikatnya ia halal atau haram.
- c. Sesuatu yang keadaannya seolah-olah sabit atau pasti, tetapi sebenarnya tidak sabit atau tidak pasti.

Prinsip Syara' Mengenai *Syubhah*

Jika pada asalnya sesuatu yang *syubhah* itu adalah halal dan kemudiannya timbul syak atau ragu pada haramnya, maka ia dikembalikan kepada hukum asalnya iaitu halal. Namun menjauhi diri dari perkara *syubhah* dengan bersifat wara' merupakan sikap yang mulia.

Contoh : Produk biskut keluaran syarikat milik orang Islam yang mengandungi bahan-bahan suci seperti tepung, telur, minyak kelapa sawit, oat dan garam tetapi kita syak pada haramnya kerana kemungkinan ada bahan lain yang tidak dinyatakan dalam pemrosesan produk tersebut. Maka dalam hal ini, produk itu dianggap halal kerana yakin bahan yang disenaraikan adalah terdiri daripada bahan suci



dan syarikat itu pula adalah milik orang Islam. Maka biskut tersebut boleh dijadikan pemberian tetapi tidak menjadikannya sebagai pemberian adalah lebih baik kerana kita sendiri ada syak terhadapnya.

Jika pada asalnya keadaan sesuatu yang *syubhah* itu adalah haram dan kemudiannya timbul syak dan ragu bahawa ia adalah halal, maka wajib dijauhi dari melakukan *syubhah* sedemikian kerana menurut hukum asalnya iaitu haram.

Contoh : Daging lembu yang didatangkan dari negara lain untuk dijual di pasar raya-pasar raya tempatan dengan diberi logo 'Halal' yang diragui. Hukum asal daging tersebut adalah tidak halal dimakan melainkan ia jelas disembelih mengikut syara'. Oleh kerana tidak jelas penyembelihannya atau siapa penyembelih sekalipun terdapat logo tersebut yang boleh menimbulkan rasa syak kemungkinan halalannya, maka hukum daging tersebut dikembalikan kepada hukum asalnya iaitu haram dimakan dan ia tidak suci. Maka daging tersebut tidak boleh dijadikan pemberian sama sekali.

Melalui penjelasan di atas dapatlah disimpulkan bahawa menjaga diri daripada mengambil sesuatu yang *syubhah* adalah suatu yang dituntut. Begitu juga dalam konteks pemberian, jika pemberian yang berupa makanan atau minuman itu merupakan sesuatu yang diragui adakah ianya halal ataupun haram maka mengambil sikap untuk tidak memberikannya kepada orang lain adalah lebih baik walaupun pada asalnya ia adalah halal. Manakala jika barang pemberian yang berupa makanan atau minuman itu pada asalnya adalah haram, maka tidak boleh diberikan pada orang lain, kerana pemberian tersebut tidak menepati sebagaimana yang dikehendaki oleh syara' iaitu barang pemberian tersebut bukan terdiri dari barang yang suci atau daripada bahan yang suci.

Bolehkah Diberikan Makanan Atau Minuman Yang *Syubhah* Kepada Orang Bukan Islam?

Merujuk kepada syarat dalam pemberian sebagaimana yang disebutkan terdahulu, semua pemberian termasuk makanan atau minuman itu, hendaklah dari bahan yang suci. Maka dalam hal ini, barang yang ingin diberikan kepada orang lain, tidak kira sama ada si penerima itu orang Islam atau orang bukan Islam, hendaklah memenuhi syarat-syarat sah pemberian. Ini kerana perkara sah pemberian itu kembali pada barang pemberian itu sendiri dan bukan dilihat kepada sesiapa yang menerimanya, sama ada dia orang Islam atau bukan orang Islam.

Oleh yang demikian, pemberian kepada orang bukan Islam juga hendaklah terdiri dari zat yang suci dan dari bahan-bahan yang suci.

Jika barang pemberian itu berlaku padanya *syubhah*, sesuatu yang pada asalnya adalah halal namun masih diragui kehalalannya kerana kemungkinan mengandungi atau bercampur dengan bahan yang najis, maka dalam hal ini adalah lebih baik tidak diberikan kepada orang lain termasuklah orang yang bukan Islam.

Sebagai kesimpulan, barang pemberian itu hendaklah dipastikan memenuhi syarat-syarat pemberian. Janganlah hendaknya seseorang memberikan pemberian yang langsung tidak memberi manfaat kepada si penerima dan juga terdiri dari benda najis atau bahan-bahannya bersumberkan sesuatu yang najis.

SEMUA pemberian termasuk makanan atau minuman itu, hendaklah dari bahan yang suci. Maka dalam hal ini, barang yang ingin diberikan kepada orang lain, tidak kira sama ada si penerima itu orang Islam atau orang bukan Islam, hendaklah memenuhi syarat-syarat sah pemberian. Ini kerana perkara sah pemberian itu kembali pada barang pemberian itu sendiri dan bukan dilihat kepada sesiapa yang menerimanya, sama ada dia orang Islam atau bukan orang Islam.

Daerah Tutong jayakan Hari Sukarelawan Antarabangsa

Oleh : Hernie Suliana Haji Othman
Foto : Ihsan Jabatan Daerah Tutong

TUTONG, Ahad, 10 Januari. - Daerah Tutong telah mengadakan pelbagai aktiviti sukarelawan bagi sama-sama menjayakan Sambutan Hari Sukarelawan Antarabangsa 2016 yang dianjurkan oleh Jabatan Belia dan Sukan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan yang pertama kalinya diadakan secara besar-besaran di negara ini.

Antaranya yang dikenali sebagai Program Sumbang dan Bantu yang dikendalikan oleh ahli Sukarelawan Daerah Tutong (SUKA) dengan kerjasama Jabatan Daerah Tutong.

Melalui program itu, orang ramai dialu-alukan untuk menyumbang apa saja jua jenis pakaian sama ada pakaian

baharu atau terpakai dan dihantar ke bangunan Sukarelawan Daerah Tutong untuk dikumpulkan.

Majlis Pelaksanaan Program Sumbang dan Bantu telah dirasmikan oleh Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Haji Adnan bin Haji Adam.

Turut hadir ialah Pemangku Penolong Pegawai Daerah Tutong, Awang Haji Haizul Rizal bin Haji Yahya.

Selain itu, kempen kebersihan juga diadakan di daerah itu bermula dari kawasan tepi jalan raya Kampung Serambangun hingga ke Kampung Lubok Pulau.

Kempen kebersihan ini

dikendalikan oleh Jabatan Belia dan Sukan Cawangan Tutong dengan kerjasama Persatuan Basikal Ekspedisi Sukarelawan Tutong (BEST).

Jabatan Daerah Tutong juga turut bekerjasama dengan ahli sukarelawan yang lain, iaitu The Soup Kitchen untuk mengagih-agihkan sumbangan makanan kepada 250 penerima sumbangan yang tersenarai di daerah ini.

Jabatan Daerah Tutong berserta ahli sukarelawan yang lain di daerah itu juga membantu ahli Singapore - Brunei Youth Leadership Exchange Programme (SBYLEP) melaksanakan Diapers Donation atau sumbangan lampin pakai buang yang mana orang ramai boleh menghantar sumbangan mereka ke Pusat Belia Cawangan Tutong pada 10 Januari bermula pukul 7.00 pagi hingga 3.00 petang.



PEMANGKU Pegawai Daerah Tutong, Awang Haji Adnan bin Haji Adam merasmikan Majlis Pelaksanaan Program Sumbang dan Bantu di bangunan Sukarelawan Daerah Tutong (atas), sementara gambar bawah, Program Sumbang dan Bantu kelolaan ahli Sukarelawan Daerah Tutong menerima apa jua jenis pakaian sama ada baharu atau terpakai untuk diagihkan kepada yang memerlukan.



PERSATUAN Basikal Ekspedisi Sukarelawan Tutong (BEST) menyertai kempen kebersihan bermula dari kawasan tepi jalan raya kampung.



Kempen kebersihan pupuk sikap kesukarelawan

Oleh : Ak. Syi'aruddin Pg. Daudin
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

awam.

Projek dimulakan dengan bacaan Al-Fatihah dan Doa Selamat yang dikepalai oleh Awang Muhammad Hazwan Nizam bin Ibrahim diikuti dengan taklimat keselamatan yang

disampaikan oleh pelajar UBD merangkap Pengurus Projek tersebut, Dayang Hajah Fatiin Najihah binti Haji Mohammad Rozaini.

Acara diteruskan dengan membersihkan kawasan pantai

berkenaan mengikut zon yang ditetapkan.

Zon 1 diketuai oleh Awang Muhammad Aiman Haziq bin Abdul Rahman dan Dayang Ira Amirah binti Sahari, manakala Zon 2 pula dikepalai oleh Awang Muhammad Harun bin Abdul Khalid dan Awang Mohammad Hazwan Nizam bin Ibrahim.

Acara diakhiri dengan bacaan Doa Penutup dibacakan oleh Awang

Muhammad Haziq bin Abdul Hamid serta pengagihan makanan kepada para sukarelawan yang ditaja oleh Jabatan Belia dan Sukan.

Menurut Dayang Hajah Fatiin, kempen seumpama itu dihasratkan untuk mendapatkan keredaan Allah Subhanahu Wata'ala, di samping supaya dapat menyuntik sikap kesukarelawanan kepada para belia di negara ini khasnya dan seluruh umat Islam umumnya.



DAYANG Hajah Fatiin Najihah binti Haji Mohammad Rozaini salah seorang daripada Pengurus Projek dari Persatuan 'Perkemahan Pemimpin Hijau' sempena Hari Sukarelawan Antarabangsa.

TUTONG, Ahad, 10 Januari. - Persatuan 'Perkemahan Pemimpin Hijau' (Leaders Green Camp) mengadakan projek kempen kebersihan sempena Hari Sukarelawan Antarabangsa yang dianjurkan oleh 'Brunei Hijau' (Green Brunei) di Pantai Seri Kenangan, Tutong.

Antara yang hadir ialah para belia seramai 38 sukarelawan dari pelbagai institusi seperti Universiti Brunei Darussalam (UBD), Institut Teknologi Brunei (ITB), Politeknik Brunei (PB), Maktab Kejuruteraan Jefri Bolkih (MKJB), Laksamana College of Business (LCB) dan juga penduduk



PESERTA kempen semasa bergambar ramai.

Skim Tabungan Perumahan TAP bantu ahli berpendapatan rendah

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi

SKIM Tabungan Perumahan di bawah Tabung Amanah Pekerja (TAP) ialah satu skim tabungan bagi menampung keperluan perumahan yang dikhususkan kepada ahli-ahli TAP yang merupakan rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan belum memiliki rumah, di samping memenuhi syarat-syarat penyertaan yang tertentu. Penyertaan kepada skim ini adalah secara sukarela.

Objektif skim ini ialah untuk menggalakkan orang ramai khususnya rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang merupakan ahli TAP untuk membudayakan sikap menabung bagi tujuan memiliki rumah kediaman sendiri.

SYARAT-SYARAT PENYERTAAN

Ahli-ahli TAP yang memenuhi syarat-syarat berikut adalah berkelayakan untuk menyertai skim ini:

1. Warga Negara Brunei Darussalam (pemegang kad pengenalan warna kuning);
2. Berumur 55 tahun ke bawah;
3. Belum memiliki rumah sama ada bagi dirinya sendiri atau isterinya / suaminya; dan
4. Tidak menerima pencen bulanan dari perkhidmatannya dengan kerajaan.

Ahli TAP yang telah memenuhi persyaratan bolehlah mendaftar melalui kaunter-kaunter TAP. Borang Pendaftaran Skim Tabungan Perumahan boleh dimuat turun dari laman sesawang TAP, www.tap.com.bn atau dengan mengunjungi mana-mana kaunter TAP.

FAEDAH-FAEDAH SKIM

1. Jaminan kadar dividen - Kerajaan akan memberikan jaminan kadar dividen sebanyak tiga peratus setahun ke atas simpanan di dalam skim ini bagi ahli yang menerima gaji tidak melebihi BND6,000.

2. Bantuan kewangan bagi memiliki rumah - Bantuan kewangan ini dikhususkan kepada peserta skim yang menerima pendapatan tidak melebihi BND2,000 sebulan atau tidak melebihi BND4,000 bagi yang pendapatan keluarga (*household income*) secara purata dalam tempoh 24 bulan kebelakangan pada tarikh permohonan.

SYARAT-SYARAT KELAYAKAN BAGI BANTUAN KEWANGAN

Ahli-ahli TAP yang memenuhi syarat-syarat seperti berikut:

1. Berumur sekurang-kurangnya 25 tahun semasa menghadapkan permohonan;
2. Belum memiliki rumah sendiri baginya atau keluarga dalam tanggungannya;
3. Membuat caruman sebagai ahli TAP dan dalam skim ini bagi tempoh sekurang-kurangnya 48 bulan (empat tahun) secara konsisten dan berterusan;
4. Mencarum ke dalam skim ini dengan kadar caruman sekurang-kurangnya lima peratus daripada gaji bulanan masing-masing; dan
5. Belum pernah membuat sebarang pengeluaran daripada akaun di TAP di bawah Skim Perumahan TAP.

Bagi peserta yang belum berkeluarga, hanya BND12,500 bantuan kewangan yang akan dihulurkan. Walau bagaimanapun, peserta boleh memohon bagi *top-up* sebanyak BND12,500 apabila peserta sudah berkahwin dan masih memenuhi persyaratan.



AHLI-AHLI TAP yang mendaftar di bawah Skim Tabungan Perumahan hanya boleh membuat pembayaran melalui kaunter-kaunter TAP di seluruh negara.

KADAR BANTUAN KEWANGAN DAN TATACARA PEMBAYARANNYA

Jumlah bantuan kewangan yang dihulurkan oleh kerajaan di bawah skim ini ialah sebanyak BND25,000 yang mana tatacara pembayarannya ialah seperti berikut:

1. Sebahagian dari bantuan kewangan tersebut akan diperuntukkan untuk perlindungan takaful, iaitu bagi kebakaran atau kerosakan, selama tiga tahun pertama untuk rumah berkenaan. Kos perlindungan takaful adalah tertakluk juga kepada kadar yang ditetapkan oleh agensi-agensi takaful.

2. Baki setelah memperuntukkan untuk kos perlindungan takaful akan dibayar secara *lump sum* kepada kerajaan (bagi penerima skim perumahan kerajaan), pemaju, penjual atau kontraktor.

PENGELUARAN SIMPANAN

Simpanan di bawah skim ini hanya boleh dikeluarkan untuk tujuan perumahan sahaja dan pembayarannya adalah mengikut prosedur Skim Pengeluaran Perumahan TAP.

Pengeluaran dibuat secara seratus peratus jumlah simpanan. Selepas pengeluaran dibuat, akaun akan ditutup dan peserta tidak dibenarkan untuk menyambung simpanan dengan skim ini.

Sekiranya peserta meninggal dunia sebelum membuat pengeluaran, simpanan dari skim tersebut akan dikeluarkan mengikut prosedur hak waris TAP.

Orang ramai, khususnya ahli-ahli TAP yang ingin mendapatkan maklumat lanjut mengenai Skim Tabungan Perumahan di bawah TAP ini bolehlah melayari laman sesawang TAP di www.tap.com.bn ataupun menghubungi Pusat Panggilan TAP melalui talian 2382800 ataupun mengunjungi mana-mana kaunter TAP yang berdekatan.



BUKU panduan Skim Tabungan Perumahan boleh diperolehi di setiap cawangan TAP atau boleh datang ke kaunter TAP bagi penerangan lebih lanjut.



Persatuan Pengakap sertai Program Hari Untuk Bertindak

Siaran Akhbar dan Foto :
Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 10 Januari. - Ketika ini semangat bergotong-royong dalam kalangan masyarakat semakin terhakis kerana kesibukan mengejar kehidupan yang moden.

Semangat kesukarelawanan dalam masyarakat khususnya dalam kalangan belia telah diketengahkan melalui kegiatan yang penuh bermakna, iaitu program Hari Untuk Bertindak (Day of Action - D.O.A) yang diadakan secara besar-besaran di seluruh negara.

Menurut Siaran Akhbar Persatuan Pengakap, Program Hari Untuk Bertindak (Day of Action - D.O.A) merupakan acara anjuran Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan Negara Brunei Darussalam melalui Jabatan Belia dan Sukan telah melibatkan penyertaan sukarelawan dari pelbagai agensi kerajaan, syarikat swasta dan badan-badan bukan kerajaan

(Non Government Organisation - NGOs) bersempena dengan Sambutan Hari Sukarelawan Antarabangsa (International Volunteer Day) yang lazimnya disambut pada setiap 5 Disember.

Ia menjadi simbol pada perpaduan dan usaha-usaha pelbagai lapisan masyarakat untuk bergerak ke arah perubahan dengan menggunakan pendekatan bergotong-royong.

Program itu telah dirasmikan oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yusoff di Pusat Belia, Bandar Seri Begawan.

Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam (PPNBD) yang ditubuhkan dengan konsep berorientasikan kesukarelawanan serta penglibatan di dalam kerja-kerja kemasyarakatan turut sama

mengambil bahagian dalam kegiatan yang berkebiasaan itu bagi sama-sama menyokong seruan pihak kerajaan.

Bermula dari penyertaan pada majlis perasmian di Pusat Belia, Bandar Seri Begawan, Ahli-ahli Pengakapdi seluruh negara telah menjalankan kegiatan kesukarelawanan dengan menjalankan kerja-kerja kemasyarakatan.

Di Daerah Brunei dan Muara, Persekutuan PPNBD telah menjalankan dua kegiatan kemasyarakatan, iaitu menyampaikan sumbangan amal berbentuk barangan makanan dan keperluan dapur kepada 13 buah keluarga yang kurang mampu di Kampung Perpindahan Mata-Mata dan Kampung Mata-Mata, Gadong bertempat di Masjid Kampung Perpindahan Mata-Mata, Gadong.

Hadir menyampaikan sumbangan amal itu ialah Yang Dipertua PPNBD, Dato Paduka Ar. Haji Idris bin Haji Abas; Naib Yang Dipertua, Awang Haji Abu Bakar bin Haji Ahmad; Ketua Pesuruhjaya Pengakap, Awang Haji Badar bin Haji Ali; Timbalan Ketua Pesuruhjaya Pengakap, Awang



YANG Dipertua Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam (PPNBD), Dato Paduka Ar. Haji Idris bin Haji Abas menyampaikan bantuan kepada salah seorang penerima.

Haji Ismail bin POKSR DS Haji A. Hapidz; Setiausaha Agong, Ketua Pegawai Eksekutif, Pesuruhjaya-Pesuruhjaya Pengakap dan Pegawai Eksekutif Pengakap.

Turut hadir Ketua Kampung Perpindahan Mata-Mata, Pengiran Haji Md. Salleh bin Pengiran Haji Abd. Rahman; Ketua Kampung Mata-Mata, Awang Haji Metali bin Haji Kamis, Ahli-ahli Jawatankuasa Masjid Kampung Perpindahan Mata-Mata, belia-belia masjid serta ahli-ahli keluarga penerima sumbangan amal.

Seramai lebih 30 Ahli Pengakap Kelana telah mengadakan Kempen Membersihkan Pantai di Pantai Muara.

Sebanyak lebih 400 kg sampah telah berjaya dikutip meliputi botol-botol plastik, botol kaca, satu set televisyen rosak, bekas makanan polisterin, bekas minuman tin, plastik makanan dan sebagainya.

Program itu adalah sebahagian dari

Program Anugerah Pengakap Sedunia yang sedang dilakukan oleh Ahli Pengakap Kelana.

Yang Dipertua PPNBD, Dato Paduka Ar. Haji Idris bin Haji Abas bersama beberapa orang Pesuruhjaya Pengakap dan Pegawai Eksekutif Pengakap turut berkesempatan menyertai kempen membersihkan pantai berkenaan.

Di Daerah Belait, seramai 10 ahli Pengakap telah membantu membersihkan kawasan sekeliling di sebuah rumah anak yatim di Kampung Singap, Merangking di Belait.


Antara kerja kemasyarakatan yang dilakukan adalah memberi bantuan makanan, membantu memotong rumput, mengemas dan membersihkan di luar dan dalam rumah berkenaan.

Di Daerah Temburong, seramai 20 ahli Pengakap telah bertungkus lumus membersihkan beberapa buah rumah yang rosak dilanda banjir kilat yang berlaku di Kampung Selapon di daerah tersebut baru-baru ini.



SEBAHAGIAN ahli persatuan pengakap semasa membersihkan kawasan Pantai Muara.

Kempen RRUH meriahkan Hari Sukarelawan Antarabangsa



RED Ribbon Urban Hike (RRUH) anjuran bersama KKBS dan BDAC bertujuan untuk meningkatkan kesedaran mengenai bahaya AIDS dengan mengagihkan pamflet kepada orang ramai di sepanjang perjalanan sejauh 10 kilometer.

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 10 Januari. - Kempen Red Ribbon Urban Hike (RRUH) merupakan kempen kesedaran mengenai HIV / AIDS dengan mengadakan aktiviti berjalan kaki melalui beberapa tempat (landmarks) sambil mengedarkan risalah mengenai HIV dan Penyakit Jangkitan Seksual (STI) kepada orang awam di sepanjang perjalanan.

Aktiviti berjalan kaki sejauh kira-kira 10 kilometer bermula di Pusat Belia di ibu negara dan berakhir di Pasar Malam, Gadong, di sini.

Acara berkenaan merupakan sempena Hari Sukarelawan Antarabangsa yang dianjurkan oleh Jabatan Belia dan Sukan (JBS), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dengan kerjasama Majlis AIDS

Brunei Darussalam (BDAC).

Kempen tersebut juga menunjukkan semangat kesukarelawanan peserta RRUH yang melibatkan lebih 50 ahli sukarelawan BDAC.

Acara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat oleh Setiausaha Keagamaan BDAC, Awang Md. Zulhafiz bin Zhariq bagi keselamatan para peserta.

Para peserta membentuk 'Red Ribbon Human Chain' sebagai simbol kasih sayang bagi mereka yang menghidap penyakit HIV di seluruh dunia.

Ketua Pegawai Belia dan Sukan JBS, Dayang Hajah Noor Maslina

binti Haji Sulaiman hadir melepaskan para peserta bagi memulakan perjalanan di Pusat Belia.

Turut menyertai kempen berjalan kaki tersebut ialah Presiden BDAC, Awang Iswandy bin Ahmad; Ahli Eksekutif dan Penasihat BDAC, Awang Ali Yusry bin Abd. Ghafor dan Kapten Kelab Penyinar, Awang Md. Rafee bin Haji Isa.

BDAC adalah sebuah NGO yang ditubuhkan pada tahun 2000 untuk meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai HIV dan AIDS di Brunei Darussalam dan mendidik orang ramai mengenai isu-isu berkaitan.


Belia-belia yang berminat untuk menyertai BDAC sebagai ahli atau sukarelawan bolehlah melawat laman media sosial mereka, iaitu di Twitter / Instagram : @bdaidsCouncil atau Facebook : Brunei Darussalam AIDS Council.

Orang ramai juga boleh menghantar e-mel ke penyinarbdac@gmail.com untuk mengetahui lebih lanjut mengenai Program Kesedaran HIV / AIDS untuk Orang Ramai dan Belia (HIV / AIDS Awareness Programmes for Peers and Youth - HAPPY) dan program-program memperkasa belia yang lainnya anjuran BDAC.



MAJLIS AIDS Brunei Darussalam (BDAC) dengan kerjasama Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) menganjurkan RRUH sempena memperingati Hari Sukarelawan Antarabangsa.

Perbanyakkan selawat kepada Nabi Junjungan



MENTERI Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Tahun 1437 Hijrah / 2016 Masihi. Majlis yang diadakan di Surau KHEDN ini turut dihadiri oleh Setiausaha Tetap dan Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap KHEDN.

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor

Sambutan tersebut merupakan acara tahunan KHEDN dan pada tahun ini dikelolakan oleh Bahagian Pentadbiran dan Pengurusan Kewangan.



HADIR sama ialah para ketua jabatan dan pegawai-pegawai kanan di kementerian ini.

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 12 Januari. - Bagi sama-sama memperingati hari keputeraan Junjungan Besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) dan jabatan-jabatannya juga tidak ketinggalan mengadakan Majlis Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Tahun 1437 Hijrah / 2016 Masihi.

Hadir selaku tetamu kehormat pada sambutan yang berlangsung di surau kementerian berkenaan ialah Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong.

Acara dimulakan dengan Sembahyang Fardu Asar Berjemaah, diikuti dengan ceramah khas Maulud disampaikan oleh Penolong Pensyarah, Fakulti Usuluddin, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Awang Mohd. Khairul Nazif bin Awang Haji Damit.

Dalam ceramah tersebut, beliau antara lain menceritakan kisah keputeraan Junjungan Besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam serta menggalakkan kita sebagai umat Baginda untuk sentiasa memperbanyakkan selawat ke atas Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

Majlis kemudian diakhiri dengan doa selamat dipimpin oleh Awang Mohd. Khairul Nazif.

Antara tujuan sambutan diadakan ialah untuk meraikan hari keputeraan Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam sebagai Nabi Pemimpin ummah dan juga bagi mengeratkan silaturahim sesama warga kementerian dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Dengan adanya majlis seperti ini dapatlah memupuk dan mengukuhkan lagi rasa kecintaan dalam kalangan warga kementerian kepada Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam perjuangan Baginda menegakkan syiar agama Islam yang diredai oleh Allah.

Juga hadir ialah Setiausaha Tetap KHEDN, Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap, ketua-ketua jabatan, pegawai-pegawai kanan, pegawai dan kakitangan KHEDN.

Ambil iktibar, amalkan Sunnah Rasulullah

Oleh : Hajah Siti Zuraiha Haji Awang Sulaiman
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 12 Januari. - Para pelajar digalakkan untuk sentiasa mengambil iktibar dan pengajaran serta mengamalkan Sunnah-sunnah yang dibawa oleh Junjungan Besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dan meninggalkan apa jua yang ditegah oleh Baginda.

Penceramah undangan dari Malaysia, Ustaz Don Daniyal bin Don Biyajid berkata, sebagai mahasiswa dan mahasiswi, apa yang terjadi pada masa hadapan sama ada bagi negara dan kehidupan merupakan tanggungjawab mereka pada masa ini dan saat inilah waktu untuk mereka mencungkil bakat masing-masing.

Dalam ceramah khasnya pada

Majlis Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dan Doa Kesyukuran sempena Ulang Tahun Penubuhan UNISSA Ke-9 yang berlangsung di Auditorium UNISSA di sini, beliau menyeru umat Islam supaya sentiasa bersedia membawa bekal untuk hari akhirat di mana salah satu yang paling penting adalah untuk meraih seberapa banyak ilmu pengetahuan dan seterusnya dapat dikembangkan atau dikongsikan bersama.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Rektor UNISSA, Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal.

Turut hadir ialah Timbalan Rektor UNISSA, Dr. Haji Mohd. Hussain bin Pehin Penyurat Haji Ahmad; Penolong

Rektor UNISSA, Dr. Arman bin Haji Asmad; pegawai-pegawai utama, para dekan dan timbalan-timbalan dekan, pengarah-pengarah, pegawai-pegawai dan kakitangan UNISSA termasuk pensyarah dan mahasiswa-mahasiswi UNISSA.

Terdahulu sebelum Majlis Sambutan Maulud Nabi Muhammad dan Doa Kesyukuran, satu sesi perjumpaan diadakan antara rombongan KUISCELL Sendirian Berhad yang diketuai oleh Ustaz Don Daniyal bin Don Biyajid, selaku Pengurus Besar syarikat berkenaan dengan pihak UNISSA.

KUISCELL Sendirian Berhad merupakan sebuah anak syarikat dimiliki sepenuhnya oleh Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) yang bernaung di bawah Majlis Agama Islam (MAIS). KUISCELL berperanan sebagai Pusat Kecemerlangan Pengajian Sepanjang



REKTOR UNISSA, Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal hadir selaku tetamu kehormat pada majlis berkenaan (tiga dari kanan).



ANTARA tenaga pengajar dan pelajar-pelajar UNISSA yang hadir pada majlis keagamaan tersebut.

Hayat berteraskan Islam yang beroperasi melalui empat cabang utama iaitu bahagian Akademik, Latihan dan Acara, Penerbitan dan Produksi.

Dalam kunjungan tersebut, rombongan terlebih dahulu dipersembahkan dengan video korporat mengenai sejarah penubuhan

awal UNISSA, diikuti dengan ucapan alu-aluan Rektor UNISSA yang antaranya melahirkan penghargaan atas kesudian pihak rombongan berkunjung ke UNISSA.

Antara tujuan kunjungan tersebut adalah bagi menjalin ukhuwah dan membincangkan kerjasama di antara kedua-dua belah pihak.



MAJLIS diserikan dengan ceramah khas disampaikan oleh penceramah undangan dari Malaysia, Ustaz Don Daniyal bin Don Biyajid.

PPB terima kemasukan 177 pelatih Sesi Januari 2016



PEMANGKU Penolong Pengarah PPB, Awang Haswandi bin Haji Osman semasa hadir pada Majlis Pendaftaran dan Taklimat Para Pelatih Baharu PPB Sesi Januari 2016.

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 11 Januari. - Seramai 177 pelatih baharu berjaya terpilih mengikuti 10 kursus yang ditawarkan oleh Pusat Pembangunan Belia (PPB) bagi kemasukan Sesi Januari 2016. Daripada 10 kursus tersebut, 39 pelatih terpilih mengikuti Kursus Skill Proficiency Certificate In Basic IT In Office Application Systems, 21 pelatih



PENDAFTARAN pelatih Sesi Januari 2016 yang ditawarkan oleh PPB.

mengikuti Kursus Level 2 Award In 2D Computer Aided Design, 30 pelatih mengikuti Kursus Skill Proficiency Certificate In Basic Food Preparation dan 28 pelatih mengikuti Skill Proficiency Certificate In Basic Food & Beverage Services.

Manakala 12 pelatih terpilih untuk mengikuti Kursus Skill Proficiency Certificate In Basic Fabrication, Welding & Pipework, 12 pelatih mengikuti Kursus Skill Proficiency Certificate In Basic Plumbing, Kursus Skill Proficiency Certificate In Basic Refrigeration & Air Conditioning sebanyak sembilan pelatih, Kursus Asas Kemahiran Baik Pulih Badan Kenderaan seramai 11 pelatih, Kursus Asas Kemahiran Terapi Kecantikan seramai 10 pelatih dan bagi Kursus Asas Kemahiran Teknologi Rekaan Fesyen seramai lima pelatih.

Majlis Pendaftaran dan Taklimat Para Pelatih Baharu PPB Sesi Januari 2016 berlangsung di Dewan Bina Diri, PPB yang dihadiri Pemangku Penolong Pengarah PPB, Awang Haswandi bin Haji Osman.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan doa dipimpin oleh Awang Shahrul Ezam bin Haji Abdul Latif, diikuti membaca ikrar beramai-ramai.

Acara kemudian diisikan lagi dengan taklimat peraturan PPB yang disampaikan oleh Pegawai Kesejahteraan, Awang Haji Anuar bin Haji Ahmad.

Pelatih yang berjaya mengikuti PPB akan menjalani tiga komponen penting sepanjang tempoh pengajian mereka selama satu tahun iaitu Program Latihan Kemahiran, Program Pembangunan Diri dan Program Penempatan Kerja.

Program Latihan Kemahiran adalah merupakan 10 kursus yang ditawarkan oleh PPB, manakala Program Pembangunan Diri adalah program yang diajarkan kepada para pelatih mengenai perkara-perkara berkaitan dengan semi akademik seperti Asas Komputer, Pendidikan Islam, Bahasa Inggeris, Matematik, Asas Perakaunan dan Asas Keusahawanan, di samping disiplin diri dan pengurusan masa.

Para pelatih juga akan menjalani pembelajaran seperti kesempurnaan dalam melaksanakan sembahyang lima waktu, menghafaz Al-Quran, membaca ayat-ayat suci Al-Quran, zikir, nasyid, ceramah-ceramah

agama, Sembahyang Tarawih dan bertadarus serta *qiamulail* semasa bulan Ramadan.

Antara lain tujuan penerapan program tersebut adalah untuk memberikan pengajaran dan penekanan terhadap pengetahuan agama Islam dalam kalangan belia di pusat tersebut kerana melalui pengetahuan agama Islam itu secara tidak langsung akan membentuk peribadi serta sahsiah yang positif dalam kalangan belia selain menerapkan aktiviti keagamaan.

Manakala Program Penempatan Kerja adalah merupakan program yang bertujuan untuk memberikan peluang kepada para belia untuk mengaplikasikan apa yang telah dipelajari dan diperolehi semasa berada di PPB dan untuk membolehkan pelatih memimba kemahiran serta pengalaman dalam suasana pekerjaan sebenar dan ia dilaksanakan sama ada di sektor kerajaan atau sektor swasta.

Majlis Kemasukan PPB Sesi Januari 2016 ini adalah merupakan pengambilan sesi ketiga bagi Pensijilan City & Guilds.

Sehubungan itu, PPB pada masa ini membuka peluang bagi kemasukan Sesi Julai kepada belia-belia yang berminat terutamanya belia yang tidak

bersekolah dan tidak bekerja untuk mendapatkan kemahiran melalui kursus-kursus yang ditawarkan oleh PPB dan borang PPB bolehlah diperolehi di pusat berkenaan pada waktu pejabat.



PEGAWAI Kesejahteraan, Awang Haji Anuar bin Haji Ahmad semasa menyampaikan taklimat.



MAJLIS diikuti dengan membaca ikrar beramai-ramai.

Program Kurikulum Kesedaran Kesihatan para pelatih PKBN

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 12 Januari. - Seramai 73 pelatih daripada Pasukan 7 dan 8, Program Khidmat Bakti Negara (PKBN) Pengambilan Kelima telah mengadakan persembahan mengenai



